

NO SOALAN : 32

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD
(LANGKAWI)**

**TARIKH : 08.03.17
(RABU)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status terkini hubungan ketenteraan di antara Malaysia dan Amerika Syarikat susulan perintah Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump yang melarang kemasukan pelarian dan warganegara dari tujuh negara Islam ke Amerika Syarikat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia dan Amerika Syarikat telah lama mempunyai hubungan ketenteraan yang baik dan kukuh. Hubungan dua hala ini melibatkan latihan ketenteraan, pertukaran maklumat, industri pertahanan, perolehan, kursus-kursus dan Latihan Bantuan Kemanusian dan Bencana Alam (*Humanitarian Assistance and Disaster Relief*).

Hubungan ketenteraan ini tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan pendirian serta tindakan Presiden Amerika Syarikat, yang melarang kemasukan pelarian dan warganegara dari tujuh negara Islam ke Amerika Syarikat.